

2 juta penutup hidung dan mulut



Dr Wan Azizah memakaikan topeng kepada seorang kanak-kanak di KL Sentral semalam.

KUALALUMPUR - Kira-kira dua juta topeng penutup hidung dan mulut telah diedarkan kepada pelajar di kawasan yang mengalami jerebu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, kerajaan melalui Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) telah mengedarkan 500,000 keping topeng tersebut di Sarawak manakala 1.5 juta keping di negeri lain yang terlibat.

Beliau berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) juga menetapkan harga maksimum runcit bagi lima jenis topeng berkenaan.

"Tindakan tegas (akan diambil) terhadap peniaga yang mengambil kesempatan menaikkan harga topeng muka secara tidak munasabah," katanya kepada pemberita selepas mengedarkan 2,000 topeng penutup hidung dan mulut jenis N95 di KL Sentral di sini semalam.

Mengulas mengenai Malaysia berada di kedudukan teratas dalam senarai negara dengan pencemaran tertinggi yang dikeluarkan oleh *World Air Quality Index*, Wan Azizah berkata, negara ini adalah penerima kesan daripada apa yang berlaku di Kalimantan.

Jelasnya beberapa kawasan yang melakukan pembakaran terbuka telah dikenal pasti dan notis dikeluarkan agar pihak terbabit menghentikan aktiviti bagi mengatasi jerebu. - *Bernama*